



PERDANA LIBRARY
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	23/11/2011



ABDUL KADIR (tengah) membacakan keputusan perbicaraan Tribunal Jenayah Perang terhadap Bush dan Blair di Bangunan Yayasan Al Bukhary, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Tunku Sofiah (kiri), Salleh (dua dari kiri), Alfred (dua dari kanan) dan Dr Shad Saleem.

Bush, Blair bersalah takluk Iraq

Bekas Presiden AS, bekas PM Britain sebabkan kematian 1.4 juta rakyat

Oleh Syed Azwan Syed Ali
 syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Presiden Amerika Syarikat (AS) George W Bush dan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair semalam didapati bersalah melakukan 'jenayah terhadap keamanan' dengan melancarkan perang ke atas Iraq pada 19 Mac 2003 sehingga menyebabkan 1.4 juta rakyat negara itu terkorban.

Keputusan sebulat suara itu diputuskan lima hakim Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur diketuai bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman.

Mereka memutuskan pasukan pendakwaan diketuai Prof Gurdial S Nijar berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap Bush dan Blair yang dituduh melakukan jenayah terhadap keamanan di Iraq.

Perbicaraan tribunal itu diadakan selama empat hari bermula Sabtu lalu di Yayasan Menjenayahkan Perang Kuala Lumpur (KLFCW) di Bangunan Yayasan Al Bukhary di sini.

Kedua-dua bekas ketua negara itu dituduh bertanggungjawab merancang, menyerang dan menakluk sebuah negara berdaulat iaitu Iraq pada 19 Mac 2003, yang juga menyalahi undang-undang antarabangsa dan piagam Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB).

Abdul Kadir selaku Presiden Tribunal dalam penghakimannya berkata, bukti menunjukkan Bush dan Blair merancang menakluk Iraq sejak 15 September 2001 dengan cuba mendapatkan kebenaran PBB untuk melancarkan serangan ke atas Iraq.

Bagaimanapun, beliau berkata, Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1441 tidak membenarkan sebarang kekerasan digunakan ke atas Iraq kerana penyiasat mengesahkan tiada senjata pemusnah besar-besarnya (WMD) di Iraq seperti mana didakwa Bush dan Blair.

"Sudah disahkan Iraq tidak mempunyai WMD. Iraq juga tidak memberi sebarang ancaman kepada mana-

mana negara lain ketika tempoh kejadian yang membolehkan justifikasi kepada serangan awal.

"Campur tangan atas alasan kemanusiaan bukan asas kepada penaklukan. Sebarang penggunaan kekerasan (tindakan ketenteraan) perlu mendapat kelulusan Majlis Keselamatan PBB. Mana-mana negara tidak boleh menggantikan peranan PBB untuk menggunakan kekerasan.

"Malah, serangan 9/11 di New York juga tidak menunjukkan sebarang kaitan dengan Iraq, tetapi AS menggunakannya sebagai alasan untuk menakluk Iraq.

"Penaklukan bagi menukar rejim juga tidak ada asas perundangan di bawah undang-undang antarabangsa. Bukti juga menunjukkan gendang peperangan lama dipalu sebelum penaklukan bermula. Kedua-dua tertuduh menerusi memoir mereka juga mengaku untuk menakluk Iraq tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa.

"Penggunaan kekerasan yang tidak sah menggugat dunia ke arah kedudukan sesebuah negara tanpa undang-undang. Tindakan tertuduh tidak sah. Tuduhan dibuktikan melampaui keraguan munasabah.

"Dengan itu kedua-dua tertuduh didapati bersalah dan tribunal ini mengarahkan nama kedua-dua penjenayah perang ini dimasukkan ke

dalam senarai daftar Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur serta diterbitkan ke seluruh dunia," katanya.

Sesi tribunal dihadiri lebih 100 orang, termasuk bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF), Tun Dr Mahathir Mohamad, turut mencadangkan Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur mengemukakan keputusan itu ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).

Tribunal turut mencadangkan perkara itu dibawa ke perhatian Perhimpunan Agung PBB untuk mengeluarkan resolusi menghentikan peperangan di Iraq, mencadangkan Majlis Keselamatan PBB mengeluarkan resolusi mengembalikkan keamanan di wilayah itu dan menghantar semua penemuan serta fakta perbicaraan kepada 139 negara yang menandatangani "Statut Rom" untuk mengambil tindakan ke atas Bush dan Blair mengikuti bidang kuasa mereka.

Selain Abdul Kadir, empat hakim lain ialah peguam dan pakar undang-undang antarabangsa, Prof Salleh Buang; pengarang buku politik, Alfred Lambremont Webre; pakar undang-undang perlembagaan, Prof Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi dan peguam Tunku Sofiah Jewa. Pasukan pembelaan diketuai peguam, Jason Kay Kit Leon.

